



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2003

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI KANAN POLIS DAN
PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk meminda skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju supaya beberapa perbekalan di dalam skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel dipinda sesuai dengan hasrat kerajaan untuk memantapkan lagi pengurusan organisasi serta meningkatkan mutu perkhidmatan polis sejajar dengan aspirasi rakyat dan negara masa kini. Selaras dengan keputusan tersebut, beberapa perbekalan dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan dipinda sewajarnya.

PINDAAN

3. Skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis yang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002 dipinda seperti berikut:-

- (a) kelayakan untuk lantikan terus ke jawatan Penolong Penguasa Polis di perenggan 19(c) (i) iaitu ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dimansuhkan;
- (b) perbekalan di perenggan 5(d)(i) dan 19(d)(i) iaitu ukuran tinggi dipinda kepada 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita; dan
- (c) perbekalan di perenggan 5(d)(ii) dan 19(d)(ii) iaitu berat badan dipinda kepada 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita.

4. Skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis yang baru adalah seperti di **Lampiran A** dan contoh iklan jawatan bagi urusan pengambilan adalah seperti di **Lampiran B1 dan B2**.

5. Indeks jadual gaji dan sifir pemindahan gaji adalah seperti di **Lampiran C**.

6. Skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002 dipinda seperti berikut:-

- (a) kelayakan untuk lantikan di perenggan 5(c) (i) dan (ii) iaitu Penilaian Menengah Rendah (PMR)/Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan syarat kelulusan Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu dimansuhkan;
- (b) perbekalan di perenggan 5(e)(i) iaitu ukuran tinggi dipinda kepada 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita; dan

- (c) perbekalan di perenggan 5(e)(ii) iaitu berat badan dipinda kepada 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita.

7. Skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang baru adalah seperti di **Lampiran D** dan contoh iklan jawatan bagi urusan pengambilan adalah seperti di **Lampiran E**.

8. Indeks jadual gaji dan sifir pemindahan gaji adalah seperti di **Lampiran F**.

PELAKSANAAN

Pemberian Opsyen

9. Dengan terlaksananya skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang baru ini, Pihak Berkuasa Melantik melalui Ketua Perkhidmatan akan mengeluarkan opsyen kepada anggota Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel bagi membolehkan mereka membuat pilihan. Anggota yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang baru mengikut mana yang berkenaan. Pilihan yang dibuat adalah muktamad.

10. Anggota yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Anggota yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baru ini. Mereka akan kekal dalam skim perkhidmatan hakiki sekarang secara Khas Untuk Penyandang.

11. Tawaran opsyen ini diberi kepada anggota yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan dalam perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan

Pegawai Rendah Polis dan Konstabel serta telah memilih tawaran opsyen Sistem Saraan Malaysia.

12. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

13. Anggota yang sedang dalam tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

14. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada mereka yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 12, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberikan tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan mereka membuat pilihan walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

15. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran perlantikan dan borang opsyen adalah seperti di **Lampiran G1, G2, G3, H1, H2 dan H3**. Sementara itu surat tawaran opsyen bagi anggota Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Gred Y1 yang belum layak seperti di perenggan 18(d) adalah seperti di **Lampiran I1, I2 dan I3**.

16. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan anggota dalam lantikan sementara/kontrak/sambilan.

Kaedah Penetapan Gaji

17. Kaedah penetapan gaji permulaan pertukaran pelantikan daripada skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis sekarang ke skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis yang baru ditetapkan seperti berikut:-

- (a) anggota yang belum disahkan dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji jawatan asal di Peringkat 1 (P1);
- (b) anggota yang telah disahkan dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang dari satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (c) jika matagaji di jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di perenggan 17(b) di atas, maka gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

18. Kaedah penetapan gaji permulaan pertukaran pelantikan daripada skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel sekarang ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang baru ditetapkan seperti berikut:-

- (a) Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Gred Y1 yang belum disahkan dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji jawatan asal di Peringkat 1 (P1);

- (b) Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Gred Y1 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, gaji mereka diselaraskan ke matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) yang mana jumlahnya tidak kurang dari satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3) jika matagaji di Peringkat 2 (P2) masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan;
- (c) Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Gred Y1 yang berkelayakan PMR/SRP yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan **telah berkhidmat genap 6 tahun pada 31 Disember 2003** hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) yang mana jumlahnya tidak kurang dari satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3) jika matagaji di Peringkat 2 (P2) masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan. Tempoh berkhidmat selama **6 tahun** yang boleh dimasukkan kira hendaklah dalam perkhidmatan tetap, tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji;
- (d) Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Gred Y1 dengan kelulusan PMR/SRP dan **belum genap 6 tahun perkhidmatan pada 31 Disember 2003** hendaklah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di skim perkhidmatan sedia ada. Gaji mereka hanya akan dipindahkan ke matagaji berkaitan pada Gred YY1 sehari selepas memenuhi syarat sama ada mendapat kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ataupun genap enam tahun

perkhidmatan. Tempoh berkhidmat selama **6 tahun** yang boleh dimasukkan kira hendaklah dalam perkhidmatan tetap, tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji;

- (e) Pegawai Rendah Polis dan Konstabel di Gred Y2, Y4, Y6, Y8 dan Y10 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) yang jumlahnya tidak kurang dari satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2); dan
- (f) jika matagaji di jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di perenggan 18(e) di atas, maka gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

19. Pergerakan gaji tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh anggota dalam tahun pertukaran perlington dikuatkuasakan, hendaklah diberi di jawatan baru.

20. Contoh kaedah pelarasan gaji adalah seperti di **Lampiran J1, J2, J3 dan J4**.

Tarikh Pergerakan Gaji

21. Tarikh pergerakan gaji (TPG) asal bagi anggota yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas tarikh kuat kuasa pertukaran perlington. TPG baru ialah mulai 1 Januari tahun berikutnya.

Elaun Dan Kemudahan

22. Pelaksanaan skim baru perkhidmatan Pegawai Kanan Polis serta Pegawai Rendah Polis dan Konstabel tidak melibatkan perubahan kepada kaedah penetapan kelayakan

elaun dan kemudahan yang ditetapkan berdasarkan pangkat. Elaun dan kemudahan yang diperuntukkan adalah terus berkuat kuasa di bawah skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis serta Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang baru.

23. Berikutan dengan pemansuhan syarat kelayakan untuk lantikan di perenggan 5(c) (i) dan (ii) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002, iaitu Penilaian Menengah Rendah(PMR)/Sijil Rendah Pelajaran(SRP), kadar Imbuan Tetap Khidmat Polis bagi Koperal/Lans Koperal/Konstabel dipinda kepada kadar baru sebanyak RM80.00 sebulan. Pelaksanaan perubahan kadar Imbuan Tetap Khidmat Polis bagi Koperal/Lans Koperal/Konstabel adalah ditetapkan seperti berikut:-

- (a) Koperal/Lans Koperal yang memilih terima skim perkhidmatan yang baru dibayar Imbuan Tetap Khidmat Polis sebanyak RM80.00 sebulan mulai 1 Januari 2004;
- (b) Konstabel yang memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan memilih terima skim perkhidmatan yang baru dibayar Imbuan Tetap Khidmat Polis sebanyak RM80.00 sebulan mulai 1 Januari 2004;
- (c) Konstabel dengan kelulusan PMR/SRP, memilih terima skim perkhidmatan yang baru dan **telah berkhidmat genap 6 tahun perkhidmatan pada 31 Disember 2003** dibayar Imbuan Tetap Khidmat Polis sebanyak RM80.00 sebulan mulai 1 Januari 2004; dan
- (d) Konstabel dengan kelulusan PMR/SRP, memilih terima skim perkhidmatan yang baru tetapi **belum genap 6 tahun perkhidmatan pada 31 Disember 2003** dibayar Imbuan Tetap Khidmat Polis sebanyak RM65.00 sebulan mulai 1 Januari 2004. Imbuan Tetap Khidmat Polis sebanyak RM80.00 sebulan dibayar apabila anggota mendapat kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ataupun genap enam tahun perkhidmatan di mana tempoh

berkhidmat selama 6 tahun yang boleh dimasuk kira hendaklah dalam perkhidmatan tetap, tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji.

Kaedah Pelaksanaan Opsyen

24. Bagi melaksanakan urusan ini, Ketua Jabatan dan anggota yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:-

Ketua Jabatan

- (a) menawarkan opsyen kepada Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang terlibat. Penjelasan yang terperinci mengenai opsyen ini hendaklah diberi kepada anggota yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (b) menawarkan opsyen khas kepada anggota yang belum memenuhi syarat untuk bertukar ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang baru dengan menggunakan borang opsyen khas; dan
- (c) Ketua Jabatan hendaklah mengemas kini kenyataan perkhidmatan anggota yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan.

Anggota

- (a) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, anggota hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapat penjelasan selanjutnya. Sebarang opsyen yang dibuat adalah muktamad;
- (b) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu salinan lagi untuk anggota berkenaan; dan

- (c) membuat pilihan dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran.


TARIKH KUAT KUASA

25. Skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang baru ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2004.

PEMBATALAN

26. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang berkuat kuasa mulai 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002 adalah dibatalkan kecuali bagi menampung anggota yang tidak menerima opsyen di bawah urusan ini dan penyandang yang belum layak memasuki skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang baru, mengikut mana berkenaan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

7 November 2003

Setiausaha Suruhanjaya Pasukan Polis

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri

Ketua Polis Negara

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI KANAN POLIS**

- KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN POLIS
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, SOKONGAN
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
- TARIKH KUAT KUASA** : 1 JANUARI 2004
- NAMA**
1. Kaedah-kaedah ini boleh dinamakan Kaedah-kaedah Polis (Skim Perkhidmatan Pegawai Kanan Polis), 2004 (kemudian daripada ini disebut “Kaedah-kaedah ini”) dan akan berkuat kuasa pada 1.1.2004.
- PEMAKAIAN**
2. Kaedah-kaedah ini hendaklah dipakai bagi seluruh Malaysia dan bagi semua Pegawai Kanan Polis yang dilantik pada atau sebelum tarikh berkuat kuasanya Kaedah-kaedah ini.
- TAFSIRAN**
3. Semua perkara yang disebut dalam Kaedah-kaedah ini mempunyai makna yang sama dengan perbekalan-perbekalan dalam Akta Polis 1967.
- SKEL GAJI**
4. Skel gaji bagi perkhidmatan Pegawai Kanan Polis hendaklah seperti yang ditetapkan dalam jadual kepada Kaedah-kaedah ini.
- KELAYAKAN UNTUK
LANTIKAN KE JAWATAN
INSPEKTOR**
5. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam atau perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY11: P1T4); atau
(iii) Diploma Kejuruteraan dalam bidang-bidang yang diperlukan, seni bina, ukur, ukur bahan atau sains haiwan dan penternakan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY11: P1T5);
 - (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu;

- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan semasa menarik nafas 86sm (lelaki sahaja);
- (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vi) diakui sihat oleh pegawai perubatan kerajaan termasuk pemeriksaan x-ray.

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN DARIPADA PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL

6. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel adalah layak dipertimbang oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang diberi kuasa olehnya untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Inspektor, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 5(c) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas;
- (b) diperaku layak dan sesuai oleh Pegawai Memerintahnya; dan
- (c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PERMOHONAN UNTUK LANTIKAN

7. Permohonan untuk lantikan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

8. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred YY11 boleh ditetapkan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

9. Inspektor yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

10. (a) Inspektor lantikan terus di bawah Kaedah 5 adalah dikehendaki mengikuti latihan selama tempoh yang ditentukan oleh Ketua Polis Negara dari semasa ke semasa.
- (b) Inspektor yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan di bawah Kaedah 6 boleh dikecualikan daripada menjalani sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada latihan yang ditetapkan mengikut budi bicara Ketua Polis Negara.

**GAGAL DALAM LATIHAN
DAN PENAMATAN LANTIKAN**

11. Inspektor lantikan terus di bawah Kaedah 5 yang gagal dalam latihannya boleh dipertimbang supaya tempoh latihannya dilanjutkan atau perakuan dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya supaya perkhidmatannya ditamatkan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

12. Inspektor dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus Peperiksaan Undang-undang Pertengahan yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

13. Inspektor yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus semua peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku layak dan sesuai oleh Pegawai Memerintahnya.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

14. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEMAJUAN KE PANGKAT
KETUA INSPEKTOR**

15. Inspektor adalah layak dipertimbang untuk kemajuan ke pangkat Ketua Inspektor apabila telah diperaku oleh Pegawai Memerintahnya bahawa dari segi prestasi kerja dan kelakuan ia telah membuktikan kebolehan untuk maju seterusnya dalam perkhidmatannya.

**PEPERIKSAAN UNDANG-
UNDANG TINGGI JABATAN**

16. Inspektor yang telah disahkan dalam perkhidmatannya boleh mengambil Peperiksaan Undang-undang Tinggi Jabatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

17. Inspektor hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN PENOLONG
PENGUASA POLIS
DARIPADA INSPEKTOR
DAN KETUA INSPEKTOR**

18. Inspektor atau Ketua Inspektor adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Penguasa Polis yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya oleh Pegawai Memerintahnya.

**KELAYAKAN UNTUK
LANTIKAN TERUS KE
JAWATAN PENOLONG
PENGUASA POLIS**

19. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY15: P1T1); atau

- (ii) ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY15: P1T2); atau

- (iii) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang-bidang yang diperlukan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY15: P1T3); atau

- (iv) ijazah Doktor Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY15: P1T4); atau

- (v) (i) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY15: P1T5); atau

- (ii) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY15: P1T5); atau

- (iii) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY15: P1T6); atau

- (iv) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY15: P1T7); atau

[Senarai Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan di perenggan 19(c) (v) (b) di atas adalah seperti di Rujukan Y].

- (vi) ijazah Sarjana Muda Perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY15: PIT6);

- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu;

- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;

- (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan semasa menarik nafas 86sm (lelaki sahaja);

- (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

- (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

- (vi) diakui sihat oleh pegawai perubatan kerajaan termasuk pemeriksaan x-ray.

dan (e) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PERMOHONAN UNTUK LANTIKAN

20. Permohonan untuk lantikan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

21. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred YY15 boleh ditetapkan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

22. Penolong Penguasa Polis yang dilantik secara terus di bawah Kaedah 19 adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

23. (a) Penolong Penguasa Polis lantikan terus di bawah Kaedah 19 adalah dikehendaki mengikuti latihan selama tempoh yang ditentukan oleh Ketua Polis Negara dari semasa ke semasa.
- (b) Penolong Penguasa Polis yang memasuki perkhidmatan secara kenaikan pangkat di bawah Kaedah 18 boleh dikecualikan daripada menjalani sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada latihan yang ditetapkan mengikut budi bicara Ketua Polis Negara.

**GAGAL DALAM LATIHAN
DAN PENAMATAN LANTIKAN**

24. Penolong Penguasa Polis lantikan terus di bawah Kaedah 19 yang gagal dalam latihannya boleh dipertimbang supaya tempoh latihannya dilanjutkan atau perakuan dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya supaya perkhidmatannya ditamatkan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

25. (a) Penolong Penguasa Polis lantikan terus di bawah Kaedah 19 adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus Peperiksaan Undang-undang Tinggi Jabatan yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara dalam tempoh percubaan.
- (b) Penolong Penguasa Polis yang mempunyai kelulusan profesional yang diiktiraf oleh kerajaan boleh dikecualikan daripada Peperiksaan Undang-undang Tinggi Jabatan dalam perkara-perkara yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara dari semasa ke semasa setelah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.
- (c) Penolong Penguasa Polis yang memasuki perkhidmatan secara kenaikan pangkat di bawah Kaedah 18 adalah dikehendaki lulus Peperiksaan Undang-undang Tinggi Jabatan/penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara sebelum layak dipertimbang untuk kenaikan pangkat seterusnya.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

26. Penolong Penguasa Polis lantikan terus di bawah Kaedah 19 adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus Peperiksaan Undang-undang Tinggi Jabatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya oleh Pegawai Memerintahnya.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

27. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

28. Pegawai Kanan Polis hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN TIMBALAN
PENGUASA POLIS**

29. Penolong Penguasa Polis adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Timbalan Penguasa Polis yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN PENGUASA
POLIS**

30. Timbalan Penguasa Polis adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Polis yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN PENOLONG
PESURUHJAYA POLIS**

31. Penguasa Polis adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pesuruhjaya Polis yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN PENOLONG
KANAN PESURUHJAYA
POLIS GRED II**

32. Penolong Pesuruhjaya Polis adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred II yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN PENOLONG
KANAN PESURUHJAYA
POLIS GRED I**

33. Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred II adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred I yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;
- (c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG
LEBIH TINGGI**

34. Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred I yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002, JPA(S)256/21/17-1(3)].

JADUAL
(KAEDAH 4)
(Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2003)

Pangkat	Gred	Jadual Gaji Matriks
Inspektor	Gred YY11	: P1T1 RM1095.00 - P1T18 RM2525.22 P2T1 RM1150.66 - P2T18 RM2687.36 P3T1 RM1208.74 - P3T18 RM2854.34
Ketua Inspektor	Gred YY14	: P1T1 RM2063.00 - P1T10 RM2955.98 P2T1 RM2272.33 - P2T10 RM3230.65
Penolong Penguasa Polis (Lantikan)	Gred YY15	: P1T1 RM1746.00 - P1T20 RM3654.17 P2T1 RM1850.06 - P2T20 RM3827.20 P3T1 RM1957.75 - P3T20 RM4003.86
Penolong Penguasa Polis	Gred YY16	: P1T1 RM1746.00 - P1T20 RM3654.17 P2T1 RM1957.75 - P2T20 RM4003.86
Timbalan Penguasa Polis	Gred YY18	: P1T1 RM2572.00 - P1T14 RM3877.59 P2T1 RM2783.75 - P2T14 RM4183.72
Penguasa Polis	Gred YY20	: P1T1 RM3682.00 - P1T9 RM4746.80 P2T1 RM3963.93 - P2T9 RM5115.85
Penolong Pesuruhjaya Polis	Gred YY22	: P1T1 RM4264.00 - P1T6 RM5165.45 P2T1 RM4646.36 - P2T6 RM5620.41
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred II	Gred YY24	: P1T1 RM4624.00 - P1T6 RM5525.45 P2T1 RM5006.36 - P2T6 RM5980.41
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred I	Gred YY26	: P1T1 RM4975.00 - P1T7 RM6172.90 P2T1 RM5399.71 - P2T7 RM6699.25

SENARAI BADAN PERAKAUNAN YANG DIKTIRAF OLEH KERAJAAN

- (i) Ahli Institut Akauntan Malaysia;
- (ii) Ahli The Malaysian Association of Certified Public Accountants;
- (iii) Ahli The Institute of Chartered Accountants in England And Wales;
- (iv) Ahli The Institute of Chartered Accountants in Ireland;
- (v) Ahli The Association of Chartered Certified Accountants (United Kingdom);
- (vi) Ahli The Institute of Chartered Accountants in Australia;
- (vii) Ahli The Australian Society of Certified Practising Accountants;
- (viii) Ahli The Institute of Chartered Accountants of New Zealand;
- (ix) Ahli The Canadian Institute of Chartered Accountants;
- (x) Ahli The Institute of Chartered Accountants of India; dan
- (xi) Ahli The Chartered Institute of Management Accountants (United Kingdom).

IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Inspektor
(b) Kementerian/Jabatan : Polis Diraja Malaysia
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional, Sokongan (skim perkhidmatan bersepadu)
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Polis

2. Jadual Gaji : Gaji Matriks

Gred YY11 P1T1 RM1095.00 - P1T18 RM2525.22
P2T1 RM1150.66 - P2T18 RM2687.36
P3T1 RM1208.74 - P3T18 RM2854.34

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam atau perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY11: P1T4); atau

- (iii) Diploma Kejuruteraan dalam bidang-bidang yang diperlukan, seni bina, ukur, ukur bahan atau sains haiwan dan penternakan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY11: P1T5);

- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu;

- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;

- (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan semasa menarik nafas 86sm (lelaki sahaja);

- (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

- (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

- (vi) diakui sihat oleh pegawai perubatan kerajaan termasuk pemeriksaan x-ray.

- dan (e) Keujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Anggota yang memasuki perkhidmatan Pegawai Kanan Polis adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Melaksanakan tugas-tugas Perkhidmatan Polis.

IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Penolong Penguasa Polis
(b) Kementerian/Jabatan : Polis Diraja Malaysia
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional, Sokongan (skim perkhidmatan bersepadu)
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Polis
2. Jadual Gaji : Gaji Matriks
Gred YY15 P1T1 RM1746.00 - P1T20 RM3654.17
P2T1 RM1850.06 - P2T20 RM3827.20
P3T1 RM1957.75 - P3T20 RM4003.86
3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred YY15: P1T1); atau
(ii) ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY15: P1T2); atau

- (iii) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang-bidang yang diperlukan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY15: P1T3); atau

- (iv) ijazah Doktor Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY15: P1T4); atau

- (v)(i) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY15: P1T5); atau

- (ii) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY15: P1T5); atau

- (iii) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas

Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY15: P1T6); atau

(iv) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY15: P1T7); atau

(vi) ijazah Sarjana Muda Perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YY15: P1T6);

(d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;

(iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan semasa menarik nafas 86sm (lelaki sahaja);

(iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vi) diakui sihat oleh pegawai perubatan kerajaan termasuk pemeriksaan x-ray.

dan (e) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Anggota yang memasuki perkhidmatan Pegawai Kanan Polis adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Melaksanakan tugas-tugas Perkhidmatan Polis.

Lampiran C

INDEKS JADUAL GAJI DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI PEGAWAI KANAN POLIS

Bil	Pangkat	Gred Gaji Sekarang	Gred Gaji Baru	Jadual Bilangan	Muka Surat
1	Inspektor	Y11	YY11	YY-11	1
2	Ketua Inspektor	Y14	YY14	YY-14	2
3	Penolong Penguasa Polis (Lantikan)	Y15	YY15	YY-15	3
4	Penolong Penguasa Polis	Y16	YY16	YY-16	4
5	Timbalan Penguasa Polis	Y18	YY18	YY-18	5
6	Penguasa Polis	Y20	YY20	YY-20	6
7	Penolong Pesuruhjaya Polis	Y22	YY22	YY-22	7
8	Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis II	Y24	YY24	YY-24	8
9	Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis I	Y26	YY26	YY-26	9

JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

(RM SEBULAN)

PANGKAT : INSPEKTOR

I. GRED GAJI SSM : Y11

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : YA11000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.11.2002

JADUAL GAJI SEKARANG : Y11

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17
P1	1019.30	1059.23	1099.16	1165.71	1232.26	1298.81	1365.36	1431.91	1498.46	1565.01	1631.56	1730.78	1830.00	1929.22	2028.44	2127.66	2226.88
P2	1060.44	1101.58	1170.55	1239.52	1308.49	1377.46	1446.43	1515.40	1584.37	1653.34	1756.19	1859.04	1961.89	2064.74	2167.59	2270.44	2373.29
P3	1102.79	1174.18	1245.57	1316.96	1388.35	1459.74	1531.13	1602.52	1673.91	1780.39	1886.87	1993.35	2099.83	2206.31	2312.79	2419.27	2525.75

I. GRED GAJI SSM : YY11

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : YY11000

III. TARIKH KUATKUASA :1.1.2004

JADUAL GAJI BARU : YY11

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18
P1	1095.00	1148.24	1201.48	1280.13	1358.78	1437.43	1516.08	1594.73	1673.38	1752.03	1830.68	1929.90	2029.12	2128.34	2227.56	2326.78	2426.00	2525.22
P2	1150.66	1206.32	1288.60	1370.88	1453.16	1535.44	1617.72	1700.00	1782.28	1864.56	1967.41	2070.26	2173.11	2275.96	2378.81	2481.66	2584.51	2687.36
P3	1208.74	1294.65	1380.56	1466.47	1552.38	1638.29	1724.20	1810.11	1896.02	2002.50	2108.98	2215.46	2321.94	2428.42	2534.90	2641.38	2747.86	2854.34

JADUAL GAJI YY-14

JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

(RM SEBULAN)

PANGKAT : KETUA INSPEKTOR

I. GRED GAJI SSM : Y14

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : YA14000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.11.2002

JADUAL GAJI SEKARANG : Y14

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9
P1	1987.30	2086.52	2185.74	2284.96	2384.18	2483.40	2582.62	2681.84	2781.06
P2	2271.65	2378.13	2484.61	2591.09	2697.57	2804.05	2910.53	3017.01	3123.49

I. GRED GAJI SSM : YY14

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : YY14000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2004

JADUAL GAJI BARU : YY14

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10
P1	2063.00	2162.22	2261.44	2360.66	2459.88	2559.10	2658.32	2757.54	2856.76	2955.98
P2	2272.33	2378.81	2485.29	2591.77	2698.25	2804.73	2911.21	3017.69	3124.17	3230.65

JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

(RM SEBULAN)

PANGKAT : PENOLONG PENGUASA POLIS

I. GRED GAJI SSM : Y15

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : YA15000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.11.2002

JADUAL GAJI SEKARANG : Y15

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20
P1	1571.45	1671.88	1772.31	1872.74	1973.17	2073.60	2174.03	2274.46	2374.89	2475.32	2575.75	2676.18	2776.61	2877.04	2977.47	3077.90	3178.33	3278.76	3379.19	3479.62
P2	1675.51	1779.57	1883.63	1987.69	2091.75	2195.81	2299.87	2403.93	2507.99	2612.05	2716.11	2820.17	2924.23	3028.29	3132.35	3236.41	3340.47	3444.53	3548.59	3652.65
P3	1783.20	1890.89	1998.58	2106.27	2213.96	2321.65	2429.34	2537.03	2644.72	2752.41	2860.10	2967.79	3075.48	3183.17	3290.86	3398.55	3506.24	3613.93	3721.62	3829.31

I. GRED GAJI SSM : YY15

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : YY15000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2004

JADUAL GAJI BARU : YY15

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20
P1	1746.00	1846.43	1946.86	2047.29	2147.72	2248.15	2348.58	2449.01	2549.44	2649.87	2750.30	2850.73	2951.16	3051.59	3152.02	3252.45	3352.88	3453.31	3553.74	3654.17
P2	1850.06	1954.12	2058.18	2162.24	2266.30	2370.36	2474.42	2578.48	2682.54	2786.60	2890.66	2994.72	3098.78	3202.84	3306.90	3410.96	3515.02	3619.08	3723.14	3827.20
P3	1957.75	2065.44	2173.13	2280.82	2388.51	2496.20	2603.89	2711.58	2819.27	2926.96	3034.65	3142.34	3250.03	3357.72	3465.41	3573.10	3680.79	3788.48	3896.17	4003.86

**JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
(RM SEBULAN)**

PANGKAT : TIMBALAN PENGUASA POLIS

I. GRED GAJI SSM : Y18

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : YA18000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.11.2002

JADUAL GAJI SEKARANG : Y18

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13
P1	2497.10	2597.53	2697.96	2798.39	2898.82	2999.25	3099.68	3200.11	3300.54	3400.97	3501.40	3601.83	3702.26
P2	2708.85	2816.54	2924.23	3031.92	3139.61	3247.30	3354.99	3462.68	3570.37	3678.06	3785.75	3893.44	4001.13

I. GRED GAJI SSM : YY18

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : YY18000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2004

JADUAL GAJI BARU : YY18

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14
P1	2572.00	2672.43	2772.86	2873.29	2973.72	3074.15	3174.58	3275.01	3375.44	3475.87	3576.30	3676.73	3777.16	3877.59
P2	2783.75	2891.44	2999.13	3106.82	3214.51	3322.20	3429.89	3537.58	3645.27	3752.96	3860.65	3968.34	4076.03	4183.72

JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

(RM SEBULAN)

PANGKAT : PENOLONG PENGUASA POLIS

I. GRED GAJI SSM : Y16

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : YA16000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.11.2002

JADUAL GAJI SEKARANG : Y16

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20
P1	1571.45	1671.88	1772.31	1872.74	1973.17	2073.60	2174.03	2274.46	2374.89	2475.32	2575.75	2676.18	2776.61	2877.04	2977.47	3077.90	3178.33	3278.76	3379.19	3479.62
P2	1783.20	1890.89	1998.58	2106.27	2213.96	2321.65	2429.34	2537.03	2644.72	2752.41	2860.10	2967.79	3075.48	3183.17	3290.86	3398.55	3506.24	3613.93	3721.62	3829.31

I. GRED GAJI SSM : YY16

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : YY16000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2004

JADUAL GAJI BARU : YY16

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20
P1	1746.00	1846.43	1946.86	2047.29	2147.72	2248.15	2348.58	2449.01	2549.44	2649.87	2750.30	2850.73	2951.16	3051.59	3152.02	3252.45	3352.88	3453.31	3553.74	3654.17
P2	1957.75	2065.44	2173.13	2280.82	2388.51	2496.20	2603.89	2711.58	2819.27	2926.96	3034.65	3142.34	3250.03	3357.72	3465.41	3573.10	3680.79	3788.48	3896.17	4003.86

**JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
(RM SEBULAN)**

PANGKAT : PENGUASA POLIS

I. GRED GAJI SSM : Y20

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : YA20000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.11.2002

JADUAL GAJI SEKARANG : Y20

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8
P1	3607.88	3740.98	3874.08	4007.18	4140.28	4273.38	4406.48	4539.58
P2	3889.81	4033.80	4177.79	4321.78	4465.77	4609.76	4753.75	4897.74

I. GRED GAJI SSM : YY20

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : YY20000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2004

JADUAL GAJI BARU : YY20

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9
P1	3682.00	3815.10	3948.20	4081.30	4214.40	4347.50	4480.60	4613.70	4746.80
P2	3963.93	4107.92	4251.91	4395.90	4539.89	4683.88	4827.87	4971.86	5115.85

JADUAL GAJI YY-22

JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

(RM SEBULAN)

PANGKAT : PENOLONG PESURUHJAYA POLIS

I. GRED GAJI SSM : Y22

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : YA22000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.11.2002

JADUAL GAJI SEKARANG : Y22

	T1	T2	T3	T4	T5	T6
P1	4206.83	4366.55	4526.27	4685.99	4845.71	5005.43
P2	4544.42	4716.24	4888.06	5059.88	5231.70	5403.52

I. GRED GAJI SSM : YY22

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : YY22000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2004

JADUAL GAJI BARU : YY22

	T1	T2	T3	T4	T5	T6
P1	4264.00	4444.29	4624.58	4804.87	4985.16	5165.45
P2	4646.36	4841.17	5035.98	5230.79	5425.60	5620.41

**JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
(RM SEBULAN)**

PANGKAT : PENOLONG KANAN PESURUHJAYA POLIS GRED II

I. GRED GAJI SSM : Y24

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : YA24000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.11.2002

JADUAL GAJI SEKARANG: Y24

	T1	T2	T3	T4	T5	T6
P1	4566.20	4725.92	4885.64	5045.36	5205.08	5364.80
P2	4903.79	5075.61	5247.43	5419.25	5591.07	5762.89

I. GRED GAJI SSM : YY24

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : YY24000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2004

JADUAL GAJI BARU : YY24

	T1	T2	T3	T4	T5	T6
P1	4624.00	4804.29	4984.58	5164.87	5345.16	5525.45
P2	5006.36	5201.17	5395.98	5590.79	5785.60	5980.41

JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

(RM SEBULAN)

PANGKAT : PENOLONG KANAN PESURUHJAYA POLIS GRED I

I. GRED GAJI SSM : Y26

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : YA26000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.11.2002

JADUAL GAJI SEKARANG : Y26

	T1	T2	T3	T4	T5	T6
P1	4925.57	5125.22	5324.87	5524.52	5724.17	5923.82
P2	5350.28	5566.87	5783.46	6000.05	6216.64	6433.23

I. GRED GAJI SSM : YY26

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : YY26000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2004

JADUAL GAJI BARU : YY26

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7
P1	4975.00	5174.65	5374.30	5573.95	5773.60	5973.25	6172.90
P2	5399.71	5616.30	5832.89	6049.48	6266.07	6482.66	6699.25

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL**

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN POLIS
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA	:	1 JANUARI 2004
NAMA	1.	Kaedah-kaedah ini boleh dinamakan Kaedah-kaedah Polis (Skim Perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel), 2004 (kemudian daripada ini disebut “Kaedah-kaedah ini”) dan akan berkuat kuasa pada 1.1.2004.
PEMAKAIAN	2.	Kaedah-kaedah ini hendaklah dipakai bagi seluruh Malaysia dan bagi semua Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang dilantik pada atau sebelum tarikh berkuatkuasanya Kaedah-kaedah ini.
TAFSIRAN	3.	Semua perkara yang disebut dalam Kaedah-kaedah ini mempunyai makna yang sama dengan perbekalan-perbekalan dalam Akta Polis 1967.
SKEL GAJI	4.	Skel gaji bagi perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel hendaklah seperti yang ditetapkan di dalam jadual kepada Kaedah-kaedah ini.
